

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 4 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebab dan jumlah kos yang terlibat ekoran kelewatan pelaksanaan projek multi blok Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang. Perincikan perkembangan projek berkaitan sehingga kini dan nyatakan juga projek-projek naik taraf hospital-hospital di Pulau Pinang sehingga tahun 2023 serta tempoh pelaksanaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek Pembinaan *Multi Storey Block* Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang mengalami kelewatan berikutan **masalah pelantikan *Nominated Sub-Contractor* (NSC)** yang mana **perlu ditender semula**. Walau bagaimanapun, proses tender NSC telah pun selesai pada masa ini dan pihak Kontraktor Utama telah diberikan lanjutan masa. **Tarikh penyiapan baharu bagi projek ini** setelah mengambilkira pelanjutan masa yang diberikan atas sebab Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) **adalah pada September 2022**. Berdasarkan kepada status semasa pelaksanaan projek, kemajuan kerja Kontraktor sehingga 30 Jun 2020 adalah 36.21% sebenar berbanding jadual 49.10%. Pada masa ini, 17 NSC yang dilantik telah memulakan kerja ditapak bina setelah proses tender NSC selesai sepenuhnya. **Kos projek yang diluluskan bagi projek ini adalah RM486.2 juta**.

2. Pihak Kontraktor sedang giat untuk menyiapkan kerja-kerja struktur utama bangunan berkenaan. Pihak Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang memantau rapi pelaksanaan projek ini agar ia dapat disiapkan mengikut tempoh kontrak yang ditetapkan.

3. Selain projek *Multi Storey Block* Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang, terdapat tujuh (7) projek naik taraf Hospital yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan seperti berikut:

3.1 **Projek Naiktaraf Hospital Pulau Pinang** (Fasa 2) (Telah siap pada 21 Mei 2019, Kos RM22.09 Juta).

3.2 **Projek Naiktaraf Hospital Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang** (Telah siap pada 1 April 2019, Kos RM22.09 Juta).

- 3.3 **Projek Naiktaraf Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau, Pulau Pinang** (Jangka siap pada 6 Oktober 2020, Kos RM28.97 Juta).
- 3.4 **Pembinaan Modular Operating Theatre Untuk Hospital Balik Pulau, Pulau Pinang** (Jangka siap pada 21 Oktober 2020, Kos RM7.07 juta).
- 3.5 **Projek Membina Blok Baharu Pusat Perkhidmatan Stem Sel, Hospital Pulau Pinang** (Projek dalam perancangan tender semula dan peringkat penyediaan dokumen tender. Tempoh pembinaan selama 2 Tahun (2020-2022), Kos RM19.15 Juta).
- 3.6 **Projek Blok Wanita Dan Kanak-Kanak Hospital Pulau Pinang** (Telah ditender pada 15 Disember 2018 dan peringkat penilaian semula oleh Lembaga Tender. Jangka SST dikeluarkan pada Oktober 2020 dan tempoh pembinaan selama 4 tahun (2020-2024), Kos RM296.98 juta).
- 3.7 **Projek Blok Klinik Pakar dan Wad Hospital Pulau Pinang** (Jangka tender pada Julai 2021, Tempoh pembinaan selama 4 Tahun (2021-2025), Kos RM500 Juta).

Sekian, terima kasih.